

SIGNIFIKAN PENGAJIAN HADIS BRAILLE: SOROTAN LITERATUR

(The Significant of Braille Hadis Studies: Literature Review)

¹ NORHAFIZAH AHMAD

¹ LATIFAH ABDUL MAJID

¹ Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Nasib Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan mula diberikan perhatian oleh pihak kerajaan atas kesedaran yang ditimbulkan oleh golongan ini yang merasakan keperluan mendesak terhadap tuntutan memahami kalam Tuhan yang akhirnya membawa kepada pengajaran al-Quran Braille di Malaysia. Namun, pendedahan OKU penglihatan terhadap pengajian hadis masih belum berlaku sedangkan hadis juga memainkan peranan yang penting sebagai sumber kedua syariat Islam. Dalam konteks OKU penglihatan, kewujudan hadis Braille memberi ruang kepada golongan istimewa ini membudayakan sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian. Justeru, objektif utama makalah ini adalah untuk menjelaskan senario perkembangan pengajian hadis Braille di Malaysia. Ianya merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metode analisis dokumen yang terdiri daripada buku-buku, artikel-artikel, jurnal, internet dan bahan-bahan yang berkaitan. Hasil kajian mendapati pengajian hadis Braille bagi OKU penglihatan di Malaysia masih belum berkembang secara meluas di mana-mana institusi pendidikan. Selain itu, pengajian hadis Braille juga amat signifikan dalam kehidupan OKU penglihatan dan amat diperlukan sebagaimana keperluan terhadap al-Quran Braille. Ianya dapat membantu OKU penglihatan dalam usaha mengenal, mencintai dan meneladani Rasulullah SAW melalui hadis-hadisnya.

Kata kunci: Orang kurang upaya penglihatan; signifikan; pengajian hadis Braille; syariat; Rasulullah SAW

Corresponding author: Norhafizah Ahmad, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, Mel-e: norhafzahahmad89@gmail.com

Diserahkan: 23 Jun 2015

Diterima: 20 Oktober 2015

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2016-0802-04>

259

ABSTRACT

The visually impaired people understanding of the Quran have been help out by government incentive by creating the Braille Quran. This incentive helps the visually impaired people to read the Quran using the Braille system. Even though that Hadith is the second source shari'a of Islam but it access to it by the visually impaired people require more attention. There are less developed Braille Hadith in Malaysia. The learning of hadith would enable the visually impaired people to appreciate and understand the Sunnah of the Prophet which is in line with the teaching of the Quran. The objective of this study is to find out the development of Braille hadith in Malaysia. This study is qualitative by using document analysis method from books, articles, journals, internet etc. Early finding shows that the development of hadis studies using Braille system in Malaysia is still small in the any education institution. The visually impaired people need to learn the hadith using this system as much as the important of learning the Quran. The understanding of the hadis would allow them to learn and love the Prophet and the Sunnah.

Keywords: *Visually impaired people; significant; Braille hadith studies, shari'a; Prophet SAW*

PENDAHULUAN

Hadis memainkan peranan penting dalam agama Islam selepas al-Quran. Ia adalah sumber perundangan kedua dalam Islam serta menjadi panduan dan rujukan kepada masyarakat Islam keseluruhannya. Hadis turut menjadi satu-satunya sumber untuk mengenali sirah Rasulullah SAW. Melalui perantaraan hadis, perihal kehidupan mengenai Rasulullah SAW pada waktu siang dan malam, ketika bersendirian dan di khalayak, semasa bermusafir dan bermukim, begitu juga keindahan akhlak dan kesempurnaan rupa paras Rasulullah SAW dapat diketahui. Oleh itu, ilmu hadis perlu dipelajari oleh setiap orang Muslim tanpa mengira kekurangan diri. Malah pada zaman Rasulullah SAW, terdapat sahabat bernama Abdullah Ibn Ummi Maktum r.a, seorang cacat penglihatan tetapi sentiasa bersemangat mempelajari ilmu hadis. Kegigihan sahabat Rasulullah SAW ini harus menjadi pendorong kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan pada masa kini dalam usaha mempelajari hadis dan ilmu-ilmu lain.

Allah SWT dengan hikmah dan kebijaksanaan-Nya mencipta manusia dengan pelbagai rupa dan bentuk. Dengan qudrah dan iradah mutlak-Nya, Allah SWT mengurniakan kekuatan dan kelemahan, kelebihan dan kekurangan, kekayaan dan kemiskinan, kepandaian dan kebodohan, kecantikan dan kehodohan kepada sesiapa yang Ia kehendaki. Perbezaan manusia dari segi tahap kesempurnaan ini adalah

ujian daripada Yang Maha Kuasa sebagai hujah dan bukti keimanan, ketakwaan dan ketaatan sebenar hamba-hambanya untuk melayakkan mereka mendapat kejayaan dan kesejahteraan hakiki di hari akhirat. Firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيُبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ
إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

(al-An'am 6:165)

Maksud: Dan dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Sejajar dengan ayat ini, Rasulullah SAW pula bersabda (Ahmad 2001. No. hadis 22338):

إِذَا سَبَقَتْ لِلْعَبْدِ مِنَ اللَّهِ مَنزِلَةٌ لَمْ يُبْلَغْهَا بِعَمَلِهِ، ابْتَلَاهُ اللَّهُ فِي جَسَدِهِ أَوْ فِي مَالِهِ أَوْ فِي
وَلَدِهِ، ثُمَّ صَبَّرَهُ حَتَّى يُبْلَغَهُ الْمَنْزِلَةَ الَّتِي سَبَقَتْ لَهُ مِنْهُ

Maksud: Apabila telah tetap suatu ketentuan daripada Allah SWT untuk seseorang hamba, suatu kedudukan yang tidak dapat diperolehinya melalui amalan, nescaya Allah SWT akan mengujinya pada tubuh badannya, atau pada hartanya, atau pada anak-anaknya, kemudian Allah SWT mengurniakan kesabaran kepadanya sehinggalah dia layak sampai ke kedudukan yang telah Allah SWT tentukan untuknya itu.

PERKEMBANGAN PENGAJIAN HADIS BRAILLE DI MALAYSIA

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam Konvensyen Hak-hak Orang Kurang Upaya pada 6 Disember 2006 telah memperakukan kepentingan akses kepada pendidikan dalam membantu OKU untuk mencapai hak kesamarataan dan kebebasan asasi. Kepentingan akses kepada pendidikan bagi OKU juga telah diperakui oleh kerajaan Malaysia. Akta OKU yang dilancarkan pada 2008 turut menyatakan bahawa OKU tidak boleh dikecualikan dari sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan mereka (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2008). Malah, melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (2006), akses kepada pendidikan adalah salah satu daripada empat teras utama pelan ini, di mana pendekatan pertama dalam

mencapai matlamat pelan ini adalah mencapai kesamarataan peluang pendidikan bagi pelajar yang terpinggir termasuklah pelajar OKU. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil satu langkah positif, iaitu menyediakan satu program bagi membantu kanak-kanak yang menghadapi masalah untuk belajar secara biasa mengikut kemampuan mereka dengan menitikberatkan aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, sosial, bakat, nilai moral dan estetika.

Di Malaysia, perkembangan pendidikan bagi komuniti OKU penglihatan bermula pada awal abad ke-20. Perkembangan ini dapat dibahagikan kepada dua tahap yang utama (Wong dan Sandiyao 2002) iaitu:

1. Perkembangan yang berlaku pada zaman penjajahan Inggeris.
2. Perkembangan yang berlaku pada zaman selepas kemerdekaan.

Pada zaman penjajahan Inggeris, usaha untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pendidikan bagi komuniti OKU penglihatan di negara-negara Asia termasuk Tanah Melayu telah dipelopori oleh pergerakan sosial yang terdiri daripada institusi yang bercorak keagamaan seperti Misi Anglikan. Bagi memenuhi keperluan pendidikan komuniti OKU penglihatan terus diperluaskan di Tanah Melayu, sebuah sekolah bernama Sekolah Princess Elizabeth ditubuhkan pada tahun 1949 di Johor Bahru. Namun, kemudahan pendidikan ini terhad di peringkat sekolah rendah sahaja. Walau bagaimanapun, OKU penglihatan masih mempunyai satu alternatif lain untuk memperolehi pendidikan dan latihan kerana mereka berpeluang memasuki institusi latihan dan pemulihan seperti Pusat Latihan Gurney (GTC) di Brickfields, Kuala Lumpur yang juga pernah dikenali sebagai Pusat Latihan Penilaian Gurney yang telah ditubuhkan pada tahun 1953 oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi menjalani latihan pemulihan dan vokasional (Wong dan Sandiyao 2002).

Selepas mencapai kemerdekaan, kerajaan Malaysia khususnya pada tempoh 1960-an dan seterusnya telah melibatkan diri secara langsung dalam perihal pendidikan khas. Perubahan dasar ini kelihatan ketara berbanding zaman penjajahan Inggeris. Ini kerana ketika itu tidak terdapat peruntukan perundangan berkaitan persoalan ini. Namun, keadaan ini berubah kerana Akta Pelajaran 1961 buat kali pertamanya telah menyentuh tentang perkara pendidikan khas, kerajaan juga telah menyedari bahawa betapa pentingnya untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada semua pelajar. Oleh itu, satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk meneliti keperluan pendidikan termasuk pendidikan khas pada 1979. Selepas kemerdekaan, OKU penglihatan disediakan dengan kemudahan pendidikan di peringkat sekolah menengah dan universiti. Selepas itu, kerajaan dengan seberapa daya upaya meningkatkan kemudahan pendidikan bagi golongan istimewa di negara ini. Ini kerana dalam Akta Pendidikan 1996 (Bab 8) telah menggariskan beberapa peraturan

berkenaan dengan persoalan ini. Begitu juga, sikap dan kesedaran terhadap keperluan pendidikan khas di Malaysia khususnya daripada pihak kerajaan amat positif kerana mereka telah bersetuju menubuhkan Unit dan Jabatan Pendidikan Khas (JPK) pada tahun 1964 dan 1995 untuk bertanggungjawab ke atas perkembangan pendidikan bagi golongan istimewa (Wong dan Sandiyao 2002).

Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 yang mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran melalui Perakuan 169 adalah titik tolak yang membawa kepada satu penekanan dan tumpuan yang lebih jelas kepada perkembangan Pendidikan Khas di Malaysia. Perakuan 169 adalah satu detik awal campur tangan yang menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap golongan warga buta di dalam bidang Pendidikan Khas. Perakuan ini menyebut:

“Dengan adanya kesedaran bahawa kerajaan seharusnya bertanggungjawab terhadap pendidikan kanak-kanak cacat adalah diperakukan kerajaan hendaklah mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab pendidikan itu dari pihak-pihak persatuan yang mengendalikannya pada masa ini. Di samping itu, penyertaan oleh badan-badan sukarela dalam memajukan pendidikan kanak-kanak cacat hendaklah terus digalakkan”.

Namun, bagi golongan OKU penglihatan Muslim, sistem pendidikan khas yang tercipta ini masih kurang melengkapinya sebagai seorang Muslim. Ini kerana tidak semua Institusi Pendidikan Khas yang berada di Malaysia menawarkan pengajian al-Quran Braille, apatah lagi pengajian hadis Braille. Di Malaysia, pengajian hadis Braille bagi OKU penglihatan masih terbatas kerana kebanyakan kelas pengajian agama OKU penglihatan tertumpu kepada pengajian al-Quran Braille. Manakala, pengajian hadis untuk OKU penglihatan di Malaysia hanya dilakukan secara kecil-kecilan dan sangat terhad kepada sebilangan kecil golongan berkenaan sahaja. Sebagai contoh, pengajian hadis diajar kepada para penuntut cacat penglihatan yang belajar di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Di samping itu, pengajian hadis ini dapat diikuti oleh sebilangan kecil golongan OKU penglihatan melalui mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah, melalui program sekolah agama Jabatan Agama Islam Johor khas untuk pelajar yang menuntut di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Princess Elizabeth, Johor Bahru. Pembelajaran menerusi media elektronik seperti televisyen dan radio, media sosial seperti internet dan blog serta menerusi usaha persendirian dengan menghadiri kuliah di masjid dan surau. OKU penglihatan akan mendapat pendedahan mengenai hadis sekiranya terselit ilmu hadis dalam kaedah penyampaian ilmu tersebut (Zakaria 2015).

Bahkan, hingga kini hanya ada satu buku hadis yang dapat disalin ke dalam bentuk Braille bertajuk ‘Hadis Akhir Zaman’ yang mengandungi 40 hadis mengenai akhir

zaman. Buku ini merupakan karangan al-Banjari, guru agama di sebuah madrasah di Kedah. Buku ini berbahasa Melayu dan hanya matannya sahaja yang ditulis dalam tulisan Arab Braille. Buku hadis ini berjaya dibraillekan pada abad 90-an lagi namun baru kini buku ini disalin semula oleh Tn. Hj. Muhammad Lee Abdullah salah seorang OKU penglihatan di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Walau bagaimanapun, sehingga kini tiada satu pun kitab hadis yang lengkap telah dibraillekan (Zakaria 2015). Keadaan ini dilihat seolah-oleh tidak adil bagi golongan OKU penglihatan kerana mereka tidak dapat mempelajari kedua-dua sumber perundangan Islam, iaitu al-Quran dan hadis. Jika dilihat, pengajian al-Quran terus berkembang kepada golongan OKU penglihatan. Mereka bukan sahaja dapat mempelajarinya di sekolah, malah dapat mempelajarinya di universiti. Pengajian hadis pula jauh ketinggalan di belakang. Ini merupakan satu keadaan yang tidak adil kepada OKU penglihatan kerana mempelajari hadis adalah sama pentingnya dengan mempelajari al-Quran, dan dengan hadislah kita dapat lebih memahami ayat-ayat al-Quran al-Karim (Ahmad Yunus & Tengku Intan Zarina 2014).

SIGNIFIKAN PENGAJIAN HADIS BRAILLE

Pengajian hadis Braille mempunyai signifikan atau kepentingannya yang tersendiri kepada golongan OKU penglihatan. Antara signifikannya ialah:

Memenuhi Keperluan OKU Penglihatan

Pengajian hadis mula muncul dari detik pertama terbitnya fajar seruan Islam dan terus berkembang hinggalah ke era teknologi. Kronologi sejarah memaparkan bahawa faktor menjaga kesucian ajaran Islam yang tulen menjadi tonggak utama perkembangan pengajian hadis. Di Malaysia, terdapat banyak tempat, institusi, masjid, sekolah dan universiti yang menyediakan pengajian hadis. Namun begitu, pengajian hadis secara formal yang terdapat di Malaysia hanya tertumpu kepada golongan yang sempurna pancaindera. Keadaan ini menyebabkan golongan OKU penglihatan seringkali ketinggalan dalam memahami ilmu hadis. Begitu juga kekurangan dari segi bahan bantu mengajar (BBM) kerana hanya satu buku hadis Braille yang ada untuk kemudahan OKU penglihatan dan hanya boleh didapati di PERTIS iaitu 'Hadis Akhir Zaman'. Sedangkan bagi menjalankan sebuah pengajaran dan pembelajaran yang efektif, sudah semestinya pelbagai BBM dan modul pengajaran diperlukan. Namun begitu, pengajian hadis Braille tidak dapat dijalankan oleh pihak berwajib kerana kurangnya BBM ini.

PERTIS juga telah memperkenalkan al-Quran Braille yang diusahakan sendiri oleh ahli jawatankuasa PERTIS dengan kerjasama dan nasihat JAKIM. Al-Quran

Braille yang dicetak oleh PERTIS adalah yang pertama diperkenalkan di Malaysia dan satu-satunya kemudahan yang dicipta bagi OKU penglihatan membaca al-Quran. Bagi hadis Braille pula, sehingga kini belum terdapat mana-mana perisian yang dapat membantu golongan OKU penglihatan mempelajari hadis (Ahmad Yunus dan Tengku Intan Zarina 2014). Ini menyebabkan golongan ini jauh ketinggalan dalam bidang ini. Justeru, dengan terciptanya pelbagai teknologi dan perisian, diharapkan dapat membantu golongan istimewa ini mempelajari hadis. Di saat kita berlumba-lumba mempelajari pelbagai ilmu, golongan OKU penglihatan ini pula paling ramai tercicir dari segi bidang pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana, tanpa nikmat penglihatan, golongan ini hanya mampu menerima pengajaran dan pembelajaran berasaskan deria dengar, bau, sentuh dan rasa (Mustaffa 2014).

Pengajian hadis Braille adalah sama penting kepada golongan OKU penglihatan sebagaimana al-Quran. Walaupun pengajian hadis Braille bagi murid-murid berkeperluan khas belum ada, diharapkan ia dapat dilaksanakan secepat mungkin. Menurut Zakaria Yahya (2014), golongan OKU penglihatan juga ingin mempelajari sebagaimana mereka dapat mempelajari al-Quran. Namun, dengan keterbatasan bahan bantu mengajar, modul hadis Braille, tenaga pengajar dan *software* ataupun gadget untuk mempelajari hadis menyebabkan mereka jauh ketinggalan dalam mempelajari hadis.

Membantu OKU Penglihatan Memahami Hadis

Dalam konteks kewujudan pengajian hadis Braille, ia sangat diperlukan dalam membantu OKU penglihatan memahami hadis sebagai satu panduan atau pegangan hidup seorang Muslim memandangkan hadis adalah sumber pelengkap syariat bagi al-Quran. Usaha ini memerlukan sokongan dan bantuan daripada insan yang mampu melihat bagi membaca atau menerangkan isi kandungan kitab hadis. Sesungguhnya Islam memandang golongan kurang upaya ini dengan pandangan penuh hormat dan Islam mengajak untuk memberi perhatian serta berdiri di samping mereka, mengembangkan kekuatan, kemampuan dan kemahiran mereka serta meningkatkan cara pengendalian hidup mereka. Seperti dianjurkan oleh agama kita, Rasulullah SAW bersabda (Ahmad 2001. No. hadis 21363):

... وَعَوْنُكَ الضَّعِيفَ بِفَضْلِ قُوَّتِكَ صَدَقَةٌ، وَبَيَانُكَ عَنِ الْأَرْثَمِ صَدَقَةٌ...

Maksud: ...Pertolonganmu terhadap orang lemah dengan kekuatanmu berpahala sedekah, dan penjelasanmu terhadap orang yang tidak jelas ucapannya berpahala sedekah...

Janji Rasulullah SAW ini adalah suatu galakan dan motivasi kepada masyarakat agar sentiasa melakukan kebaikan kepada golongan yang lemah kerana setiap manusia inginkan kasih sayang dan pembelaan. Abd al-Rahmān Abd al-Khāliq (1995) menyatakan bahawa kewujudan OKU adalah suatu kebaikan dan keberkatan. Ini adalah kerana kasih sayang dan khidmat terhadap OKU akan menjadi faktor kepada kewujudan rahmat serta ganjaran Allah SWT kepada manusia di sekeliling OKU.

Meneladani Rasulullah SAW dalam Segenap Aspek

Dalam usaha untuk mencintai dan meneladani Rasulullah SAW, setiap individu memerlukan pengetahuan dan kefahaman tentang hadis kerana pada hadis itu sendiri terkandung segala-galanya tentang Rasulullah SAW, sama ada cara untuk beribadat, aktiviti harian, hubungan dengan keluarga, ketika bermesyuarat, akhlak, ketrampilan dan lain-lain. Golongan OKU penglihatan juga tidak terkecuali dalam mendalami hadis bagi menjadikan akhlak dan peribadi Rasulullah SAW sebagai contoh dan *qudwah hasanah*. Manusia belajar daripada akhlak Rasulullah SAW yang merupakan tauladan terbaik sepanjang zaman, sebagaimana yang disebutkan dalam hadis (Ahmad 2001. No. hadis 25813):

كَانَ خُلُقُهُ الْقُرْآنَ

Maksud: Sesungguhnya akhlaknya (Rasulullah SAW) adalah al-Quran.

Ini berdasarkan pengertian hadis itu sendiri daripada segi istilah, iaitu perkataan, perbuatan, *taqrir* (perakuan) atau sifat fizikal atau akhlak Rasulullah SAW sama ada selepas Rasulullah SAW diutuskan atau sebelumnya (Abu Layth 2009). Perkataan Rasulullah SAW bermaksud setiap percakapan atau perbualan Rasulullah SAW, tidak kira dalam apa jua bentuk sama ada perintah, larangan, pernyataan atau selainnya. Perbuatan Rasulullah SAW pula bermaksud setiap perilaku, tindak tanduk dan gerak geri Rasulullah SAW yang pada hakikatnya adalah satu bentuk tunjuk ajar amali untuk para sahabat Rasulullah SAW. Manakala *taqrir* (pengakuan) Rasulullah SAW bermaksud sesuatu perkara dilakukan di hadapan Rasulullah SAW, atau sampai ke pengetahuan Rasulullah SAW tentang sesuatu perkara yang telah dilakukan oleh seseorang namun Rasulullah SAW tidak menegahinya atau tidak menzahirkan kebenciannya terhadap perbuatan tersebut, bahkan Rasulullah SAW berdiam diri dan membiarkannya. Diamnya Rasulullah SAW dianggap sebagai persetujuan atas perkara tersebut (Syed Abdul Majid 2011). Justeru, OKU penglihatan memerlukan pengajian hadis Braille bagi mendapatkan pengetahuan dan kefahaman tentang hadis dan seterusnya mencintai dan meneladani Rasulullah SAW. Kewujudan hadis Braille memberi peluang yang besar kepada OKU penglihatan mengenali Rasulullah SAW

dengan lebih mendalam dan seterusnya memupuk rasa cinta terhadap Rasulullah SAW. Dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan sepanjang zaman, golongan OKU penglihatan mampu menjalani kehidupan seharian dengan lebih baik kerana hadis merupakan sumber utama bagi mengenali Rasulullah SAW dari segi sifat luaran, sifat dalaman, akhlak dan peribadi sama ada terhadap keluarga, jiran tetangga, saudara mara mahupun musuh. Bahkan Rasulullah SAW adalah contoh terbaik sebagai seorang anak, suami, ayah, sahabat, pemimpin dan sebagainya.

Galakan dan Motivasi Diri bagi Meningkatkan Ilmu Pengetahuan

Rasulullah SAW mengisytihar dan meraikan OKU sebagai manusia yang sama tarafnya di sisi Allah SWT. Daripada perspektif Islam, kedudukan OKU adalah sama seperti manusia normal. Setiap OKU terkait dengan kelayakan taklif dan semua OKU yang mempunyai cukup syarat adalah mukalaf (Nor Salimah 2013). Rasulullah SAW dan sahabat menunjukkan teladan hebat dalam memberikan hak kepada golongan ini. Ini kerana nilai dan kemuliaan kedudukan manusia di sisi Allah SWT bukanlah berdasarkan fizikalnya tetapi ketakwaan seseorang. Betapa banyak manusia cacat yang mempunyai semangat tinggi melebihi manusia sihat dan kuat. Bahkan ia menyumbang kebaikan kepada masyarakatnya yang belum diberikan oleh sebahagian orang kuat dan sihat.

Hak untuk belajar, mengajar dan diajar adalah hak untuk semua insan tanpa melihat kekurangan diri. Keperluan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan secukupnya serta kesamarataan dalam pendidikan tidak harus dipertikaikan kerana jiwa, fikiran, otak yang dianugerahkan Allah SWT tetap sama, cuma terdapat dalam kalangan golongan ini mempunyai keyakinan diri yang cukup rendah. Ini kerana mereka melihat kekurangan pada diri sendiri yang tidak sempurna berbanding insan normal yang lain. Rasulullah SAW menggalakkan setiap individu menuntut ilmu, malah bersabda mengenai kelebihan bagi orang yang menuntut ilmu (al-Tirmidhi 1998. No. hadis 2646):

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Maksud: Sesiapa yang mencari jalan menuntut ilmu, maka Allah SWT akan mempermudah jalannya ke syurga.

Pengajian hadis Braille akan menjadi satu galakan bagi OKU penglihatan dalam mendalami lagi ilmu pengetahuan terutamanya bidang hadis. Galakan ini jika dihayati dengan sebenar-benarnya akan dapat melahirkan golongan kurang upaya yang aktif berusaha untuk menuntut ilmu pengetahuan, mengubah sosioekonomi, menggembelng tenaga untuk mendaulatkan Islam, kreatif dalam menjana pendapatan halal dan sebagainya (Mohd Azrul Hisyam & Mohd Shafiee 2014).

Membangunkan Potensi OKU Penglihatan

Tinjauan secara umum dalam sumber sejarah kemanusiaan akan mendapati penemuan pelbagai contoh pengabaian, penyisihan dan penghinaan. Malah penyiksaan dilakukan kepada golongan kurang upaya dan tidak bernasib baik disebabkan ketidaksempurnaan pada diri mereka. Kejahilan dan kenafian masyarakat awam silam untuk memahami hikmah di sebalik ketidaksempurnaan yang Allah SWT kurniakan kepada golongan ini diburukkan lagi dengan pandangan serta sikap para pemimpin dan pendeta mereka. Sumber menyebutkan bahawa para pemimpin dan pendeta tersohor dari tamadun bukan Islam cukup keras bahkan kejam terhadap golongan OKU (Adnan et al. 2014).

Dalam konteks masyarakat Arab, sehingga ke saat kedatangan cahaya Islam, sikap yang hampir sama begitu menebal dalam diri mereka. Para pembesar langsung tidak boleh melihat orang cacat atau ditimpa penyakit berada dalam majlis mereka. Sikap yang sama menular dalam diri anggota masyarakat mereka ketika itu umumnya (al-Sakran 2010). Dirwayatkan bahawa mereka sekali-kali tidak akan makan dalam suatu majlis bersama golongan yang kurang upaya atau berpenyakit. Mereka sangat jelik dengan tangan orang buta meraba-raba makanan, sangat jengkel dengan orang tempang yang duduk melunjurkan kaki dan sangat jijik dengan bau busuk orang sakit (al-Qurtubī 1964).

Walau bagaimanapun, kedatangan Islam yang membawa konsep *rahmatan lil 'alamin* iaitu rahmat untuk seluruh alam membuktikan bahawa prinsip, syariah dan roh ajaran yang dibawa benar-benar menepati jolokan yang diberikan kepada Rasulullah SAW. Malah, banyak seruan, bimbingan dan didikan yang disampaikan oleh Rasulullah SAW untuk mendidik bukan sahaja golongan OKU malah seluruh umat manusia dengan menyatakan bahawa kekurangan dan ketidaksempurnaan itu bukanlah sesuatu yang sia-sia. Sebaliknya ganjaran yang besar menanti mereka yang berjaya melepasi ujian getir ini, sama ada mereka itu adalah dari kalangan OKU sendiri, para penjaga, pembimbing, pemimpin malah seluruh warga masyarakat yang menyumbang dalam memelihara kebajikan serta kepentingan golongan ini. Antara hadis sahih yang masyhur dalam bab ini ialah sabda Rasulullah SAW (al-Bukhārī 2001. No. hadis 5653):

إِنَّ اللَّهَ قَالَ: إِذَا ابْتَلَيْتُ عَبْدِي بِحَبِيبَتَيْهِ فَصَبْرٌ، عَوَّضْتُهُ مِنْهُمَا الْجَنَّةَ

Maksud: Apabila aku menguji hambaku dengan dua matanya (hilang penglihatan), lalu ia bersabar di atas ujian itu, nescaya aku akan gantikan untuknya dua mata itu dengan syurga.

Kepada golongan OKU penglihatan pula, mereka harus melihat hadis di atas sebagai suatu pengisytiharan manifestasi daripada Rasulullah SAW bahawa mereka mendapat tempat yang istimewa dalam Islam. Mereka yang sabar dengan ujian ini mendapat tempat di sisi Allah SWT. Motivasi daripada Rasulullah SAW ini menggambarkan kedudukan golongan istimewa yang bersyukur dan redha dengan ketentuan Allah SWT ke atasnya adalah terpuji disisi-Nya sehinggakan dijanji dengan syurga.

Sejarah telah membuktikan bahawa OKU penglihatan berpotensi, apabila Rasulullah SAW memberi kepercayaan dengan melantik golongan kurang upaya ini sebagai pemimpin negara, muazzin, menjadi imam dan ahli jihad. Rasulullah SAW membuka ruang kepada 'Abdullah Ibn Ummi Maktum RA untuk memberi sumbangan kepada kemajuan Islam dan mempertahankan Islam daripada musuh Allah SWT dengan melantik 'Abdullah Ibn Ummi Maktum RA menjadi muazzin dan gabenor Madinah sepanjang ketiadaan Rasulullah SAW. Amanah ini sesuatu yang berat tetapi kepercayaan Rasulullah SAW kerana kebolehan dan kepemimpinannya menjadikan beliau seorang pemimpin yang berkarismatik (Adnan et al. 2014).

Dapat disimpulkan bahawa Rasulullah SAW telah berjaya membangunkan potensi OKU ini bukan sahaja dalam kewajipan bersyariat bahkan mencakupi aspek sosial. Justeru, kekurangan atau ketidaksempurnaan ini hakikatnya adalah aset paling bernilai buat mereka dalam sebuah pelaburan dengan Allah SWT. Malah ternyata ketidaksempurnaan pada deria penglihatan ini mampu membangunkan potensi diri mereka bagi menjadi insan berjaya. Atas dasar inilah, pengajian hadis Braille kepada OKU penglihatan dilihat sebagai pemangkin kepada golongan ini bagi menyerlahkan lagi potensi serta kemampuan diri dan seterusnya menyumbang sesuatu kepada agama, masyarakat dan negara.

KESIMPULAN

Penguasaan terhadap ilmu agama sangat dititikberatkan dalam diri segenap masyarakat tanpa mengira kekurangan diri. Kekurangan pada diri bukanlah alasan untuk tidak berusaha mempelajari khazanah utama peninggalan Rasulullah SAW iaitu hadis. Oleh itu, pengajian hadis Braille yang ternyata banyak kepentingannya kepada golongan OKU penglihatan harus dilaksanakan secepat mungkin bagi merealisasikan kesamarataan hak dalam pendidikan serta memastikan golongan ini mahir dalam segenap ilmu termasuk al-Quran dan hadis. Justeru, masyarakat Islam seharusnya memainkan peranan dalam membantu saudara seagama yang memerlukan sokongan dan bantuan. Usaha untuk memartabatkan segenap aspek berkaitan kedua-dua sumber terpenting dalam Islam ini iaitu al-Quran dan hadis.

RUJUKAN

al-Quran.

Abd al-Rahmān Abd al-Khāliq. 1995. *al-Mushawwaq fī Ahkām al-Mu'awwaq. Majallat al-Hikmah*. Leeds: Buhuth al-Dirasat al-Islamiyyah.

Abu Layth, al-Khayr Abadi. 2009. *'Ulūm al-Ḥadīth Asiluha wa Mu'asiruh*. Malaysia: Dar al-Shakir.

Adnan Mohamed Yusoff, Norakyairee Mohd Raus, Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, Mohd Nur Adzam Rasdi, Robiatul Adawiyah Mohamad & Mohd Fauzi Mohd Amin. 2014. Wasatiyyah Nabawi dalam Menyantuni Golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Kertas Kerja Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2014) Peringkat Antarabangsa. Anjuran Institut Wasatiyyah Malaysia & Fakulti Pengajian Quran Sunnah USIM, Nilai, 26-27 November.

Ahmad bin Hanbal. 2001. *Musnad al-Imān Ahmad*. Jil. 35, 37 & 43. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Ahmad Yunus Mohd Noor & Tengku Intan Zarina Tengku Puji. 2014. Keperluan Hadis Braille dalam Pendidikan Khas: Satu Cabaran Terhadap Pengajian Islam. Kertas Kerja Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2014) Peringkat Antarabangsa. Anjuran Institut Wasatiyyah Malaysia & Fakulti Pengajian Quran Sunnah USIM, Nilai, 26-27 November.

al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. 2001. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil. 7. Dimashq: Dār Tuq al-Najat.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2008. Akta Orang Kurang Upaya 2008. <http://www.jkm.gov.my/images/stories/pdf/oku2008scan.pdf> [26 Jun 2015].

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam. 2007. *Buku Panduan Program Ijazah Dasar Tahun Akademik 2007/2008*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. <http://planipolis.iiep.unesco.org/upload/Malaysia/Malaysia%20PIPP%202006-2010%20Malaysian.pdf> [15 April 2015].

Kementerian Pelajaran Malaysia. 1979. *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: KPM.

Mohd Azrul Hisyam Mohamad & Mohd Shafiee Hamzah. 2014. Pendekatan Rasulullah SAW. Dalam Mentariyah Golongan Kelainan Upaya. Kertas Kerja Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2014) Peringkat Antarabangsa. Anjuran Institut Wasatiyyah Malaysia & Fakulti Pengajian Quran Sunnah USIM, Nilai, 26-27 November.

- Mustaffa Abdullah. 2014. Pengajian al-Quran dalam kalangan warga cacat penglihatan di Malaysia. *Jurnal al-Bayan*. 8: 21-30.
- Nor Salimah Abu Mansor. 2013. Penghayatan agama orang kurang upaya di Terengganu. Tesis PhD Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. 2006. Konvensyen Hak-hak Orang Kurang Upaya. <http://www.un.org/disabilities/convention/conventionfull.html> [15 Ogos 2015].
- al-Qurtubī, Muḥammad bin Aḥmad. 1964. *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Jil. 12. Qahirah: Dar al-Kutb al-Masriyyah.
- al-Sakran, Turki bin Abdullāh. 2010. *Ri'āyat al-Islām li al-Mu'awwaqīn*. Jil. 1. Arab Saudi: Universiti Islam Madinah.
- Syed Abdul Majid Ghouri. 2011. *Pengenalan Ilmu Mustalah al-Hadith*. Terj. Md. Hazim Hussin. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- al-Tirmidhi, Abu 'Isa. 1998. *Sunan al-Tirmidhi*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy.
- Wong Huey Siew & Sandiyao Sebastian. 2002. Pendidikan bagi komuniti Orang Kurang Upaya penglihatan di Malaysia: Satu analisis daripada perspektif sejarah. *Jurnal Masalah Pendidikan* 25.
- Zakaria Yahya. 2014. *al-Quran Braille*. Temu bual, 16 Ogos.
- Zakaria Yahya. 2015. *Pengajian Hadis Oleh OKU Penglihatan di Malaysia*. Temu bual, 6 Oktober.